

TAHAP KOMPETENSI PENGETUA/GURU BESAR DENGAN STANDARD KUALITI
GURU BESAR/PENGETUA DI DAERAH JOHOR BAHRU

WAN MARFAZILA BINTI WAN MAHMUD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**TAHAP KOMPETENSI PENGETUA/GURU BESAR DENGAN STANDARD
KUALITI GURU BESAR/PENGETUA DI DAERAH JOHOR BAHRU**

WAN MARFAZILA BINTI WAN MAHMUD

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan & Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER, 2010

DEDIKASI

Dedikasi ini ditujukan kepada keluarga tersayang.

Untuk kedua abah dan mama tersayang,

Wan Mahmud Bin Wan Besar dan Fatimah Bt Ab Ghani

Serta kakak-kakak yang banyak menyokong dari segi sokongan moral dan kewangan kepada:

Kak long, kak ngah, kak cik dan kakak tercinta.

Setinggi penghargaan kepada:

Dr M.Al Muz-Zamil B. Yasin

Atas nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar serta ilmu yang dicurahkan.

Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, sesungguhnya saya amat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr M.Al Muz-Zamil B. Yasin selaku penyelia yang telah banyak member sokongan, dorongan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh pelaksanaan Projek Sarjana ini. Dengan pertolongan beliau, perjalanan projek saya dapat berjalan dengan lancar dan baik .

Sekalung penghargaan juga buat pensyarah-pensyarah yang turut memberi tunjuk ajar untuk saya menyiapkan pprojek ini.

Akhir sekali, buat rakan-rakan yang banyak member pertolongan dan memberi idea-idea yang baru dalam menyiapkan projek ini. Semoga segala usaha kita bersama dirahmati Allah S.W.T.....Amin.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kompetensi pengetua/guru besar di daerah Johor Bharu. Kompetensi ini dibahagikan kepada empat dimensi iaitu (1) Kecerdasan intelek (IQ) (2) Kecerdasan emosi (EQ) (3) Kecerdasan spiritual (SQ) dan (4) Kecerdasan kemahiran. Responden dalam kajian ini ialah sebanyak 113 orang. Soalan soal selidik yang digunakan mengandungi 57 item yang dibina berdasarkan *Florida Principal Competencies* yang diterbitkan *Florida Council on Educational Management* (FCEM). Nilai Alpha Cronbach dalam instrument kajian ini ialah 0.803. Analisis data dalam kajian ini menggunakan Perisian *Statistical Packages for the Social Science (SPSS) untuk Windows (Versi 12.0)* untuk mendapatkan nilai min, peratus dan statistik inferensi. Dapatan kajian menunjukkan kompetensi pengetua/guru besar adalah berada pada tahap min yang tinggi bagi semua dimensi yang dikaji. Terdapat beberapa cadangan bagi mengemaskini lagi soal selidik dan juga metodologi kajian untuk kajian akan datang.

ABSTRACT

The aim of the research was to identify the principal and headmasters' competency level in Johor Bahru. The competencies were subdivided into four dimensions (1) Intellectual intelligence (IQ) (2) Emotional Intelligence (EQ) (3) Spiritual Intelligent (SQ), and (4) Skills Intelligent (SI). A number of 113 respondents were involved in the study via purposive sampling. The questionnaire used consisted of 57 items which was based on items taken from the Florida Principal Competencies published by Florida Council on Educational Management (FCEM). The Alpha Cronbach value for the instrument was 0.803. The data was analyzed using the *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) for Windows (Version 12.0)* to reveal the means, percentages, and inferential statistics for the findings. The results showed that the principal and headmasters' competencies were measured at high level for all the dimensions studied. Few suggestions were put forth to improvise the questionnaire and methodology for future research.

KANDUNGAN

BAB PERKARA	HALAMAN
HALAMAN PENGAKUAN PENYELIA	i
JUDUL	ii
HALAMAN PENGAKUAN PENULIS	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Kerangka Konsep	5
1.7 Kepentingan Kajian	5
1.8 Skop Kajian	6
1.9 Batasan kajian	6
1.10 Definisi Istilah	7
1.10.1 Kompetensi	7
1.10.2 Guru Besar	8
1.10.3 Pengetua	9

1.10.4	Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	10
1.11	Rumusan	10
2	ULASAN KARYA	
2.1	Pendahuluan	12
2.2	Kompetensi Guru Besar dan Pengetua	12
2.2.1	Kecerdasan	14
2.2.2	Kecerdasan Intelek(IQ)	14
2.2.3	Kecerdasan Emosi (EQ)	17
2.2.4	Kecerdasan Spritual (SQ)	21
2.2.5	Kecerdasan Kemahiran	23
2.2.6	Kesepaduan Kecerdasan Intelek (IQ), Kecerdasan Emosi (EQ), Kecerdasan Spritual (SQ) dan Kecerdasan Kemahiran	28
2.2.7	Matlamat Kompetensi Guru Besar dan Pengetua	29
2.2.8	Objektif Kompetensi Guru Besar dan Pengetua	29
2.3	Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	30
2.3.1	Matlamat Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	32
2.3.2	Objektif Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	32
2.4	Kerangka Teoritikal Kajian	33
2.4.1	Teori Florida Principal Competencies	33
2.4.2	Teori Kompetensi Bungkah Ais	34
2.4.3	Teori Kecerdasan Cairan dan Kecerdasan Hablur	35
2.4.4	Teori Intelek, Rohani, Emosi dan Jasmani	36
2.5	Kajian-Kajian Bahan Berkaitan	37
2.5.1	Kajian-Kajian Bahan Berkaitan Luar Negara	37
2.5.2	Kajian-Kajian Bahan Berkaitan Dalam Negara	38
2.6	Rumusan	39
3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	40
3.2	Rekabentuk Kajian	40
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	42

3.4	Tempat Kajian	43
3.5	Instrumen Kajian	43
	3.5.1 Pembinaan Instrumen Kajian	45
3.6	Kadar Pulangan Borang Soal Selidik	47
3.7	Kajian Rintis	48
3.8	Analisis Data	49
	3.7.1 Analisis Triangulasi (Temubual)	50
	3.7.2 Analisis Deskriptif	50
3.9	Kesahan Instrumen Temu Bual Dan Pemerhatian (Kualitatif)	51
	3.8.1 Kesahan Instrumen Soal Selidik (Kuatitatif)	52
3.10	Prosedur Analisis Data Kuantitatif	53
	3.10.1 Prosedur Pengumpulan Data Kualitatif	53
	3.10.2 Prosedur Pengumpulan Data Kuantitatif	54
3.11	Rumusan	55
4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	57
4.2	Latar Belakang Responden	57
4.3	Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	60
	4.3.1 Faktor Dominan Dalam Kecerdasan Intelek (IQ)	60
	4.3.2 Faktor Dominan Dalam Kecerdasan Emosi (EQ)	63
	4.3.3 Faktor Dominan Dalam Kecerdasan Spritual (SQ)	66
	4.3.4 Faktor Dominan Dalam Kecerdasan Kemahiran	69
	4.3.5 Nilai Min Setiap Dimensi	71
4.4	Analisis Inferensi Ujian-T	73
	4.4.1 Perbezaan Antara Jantina Dengan Skor Kompetensi Pengetua/Guru Besar	73
	4.4.2 Perbezaan Antara Jantina Dengan Skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	73
	4.4.3 Perbezaan Antara Jawatan Dengan Skor Kompetensi Pengetua/Guru Besar	74

4.4.4	Perbezaan Antara Jawatan Dengan Skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	75
4.5	Analisis Inferensi Anova	75
4.5.1	Perbezaan Antara Tempoh Berkhidmat Dengan Skor Kompetensi Pengetua/Guru Besar	75
4.5.2	Perbezaan Antara Tempoh Berkhidmat Dengan Skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	76
4.6	Rumusan	77

5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	78
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	78
5.2.1	Ciri Demografi Responden	79
5.2.2	Tahap kekuatan dimensi-dimensi IQ, EQ, SQ dan kecerdasan kemahiran Pengetua/Guru Besar di Daerah Johor Bahru	81
5.2.3	Dimensi yang menyumbang secara signifikan kepada peningkatan skor Standard Kualiti pengetua/guru besar di Daerah Johor Bahru	85
5.2.4	Perbezaan yang disebabkan oleh faktor demografi jantina terhadap skor kompetensi pengetua/guru besar dan skor Standard Kualiti pengetua/guru besar di Daerah Johor Bahru	89
5.2.4.1	Perbezaan yang disebabkan oleh faktor demografi jawatan terhadap skor kompetensi pengetua/guru besar dan skor Standard Kualiti pengetua/guru besar di Daerah Johor Bahru	90
5.2.4.2	Perbezaan yang disebabkan oleh faktor demografi tempoh berkhidmat terhadap skor kompetensi pengetua/guru besar dan skor Standard Kualiti pengetua/guru besar di Daerah Johor Bahru	91
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	92
5.3.1	Keputusan bagi Setiap Persoalan Kajian	92
5.3.2	Ringkasan Keputusan bagi Setiap Persoalan Kajian	95
5.4	Cadangan Tindakan	96

5.5	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	100
5.6	Kesimpulan	101
6	RUJUKAN	103

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Skala Instrumen Soal Selidik kajian Berdasarkan Aras Keamatan	44
3.2	Bahagian A (Faktor-faktor Demografi)	45
3.3	Bahagian B(Dimensi-Dimensi Kompetensi Pengetua/Guru Besar Sekolah)	46
3.4	Bahagian C(Standard Kualiti Pengetua /Guru Besar)	47
3.5	Kadar Pulangan Soal Selidik	47
3.6	Pekali <i>Alpha Cronbach</i>	49
3.7	Tahap Analisis Min	51
3.8	<i>Interpretasi Nilai Alpha Cronbach</i>	52
4.1	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	58
4.2	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Umur	57
4.3	Taburan Bilangan Responden Mengikut Jawatan	59
4.4	Taburan Bilangan Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat	59
4.5	Taburan Bilangan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	60
4.6	Faktor Dominan Kecerdasan Intelek (IQ)	62
4.7	Faktor Dominan Kecerdasan Emosi (EQ)	65
4.8	Faktor Dominan Kecerdasan Spritual (SQ)	68
4.9	Faktor Dominan Kecerdasan Kemahiran	70
4.10	Analisis Statistik Min Mengikut Dimensi-Dimensi IQ, EQ, SQ Dan Kemahiran	72

4.11	Regresi Berganda: Dimensi Kecerdasan Kompetensi Guru Besar Dan Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	72
4.12	Analisis Ujian-t: Perbezaan Min Skor Kompetensi Pengetua/Guru Besar Berdasarkan Jantina	73
4.13	Analisis Ujian-t Terhadap Perbezaan Antara Jantina Dengan Skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	74
4.14	Analisis Ujian-t Terhadap Perbezaan Antara Jawatan Dengan Skor Kompetensi Pengetua/Guru Besar	74
4.15	Analisis Ujian-t Terhadap Perbezaan Antara Jawatan Dengan Skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	75
4.16	Analisis Inferensi Anova Terhadap Perbezaan Di Antara Tempoh Berkhidmat Dengan Skor Kompetensi Pengetua/Guru Besar	76
4.17	Analisis Inferensi Anova Terhadap Perbezaan Di Antara Tempoh Berkhidmat Dengan Skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	77
5.1	Tahap Kekuatan Dimensi-Dimensi IQ, EQ, SQ dan Kecerdasan Kemahiran Pengetua/Guru Besar di Daerah Johor Bahru	93
5.2	Tahap Dimensi yang Menyumbang Secara Signifikan Kepada Peningkatan Skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar di Daerah Johor Bharu	93
5.3	Perbezaan Signifikan Antara Faktor Jantina Dengan Skor Kompetensi Pengetua/Guru Besar Dan Skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	94
5.4	Perbezaan Signifikan Antara Faktor Jawatan Dengan Skor Kompetensi Pengetua/Guru Besar Dan Skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	94
5.4	Perbezaan Signifikan Antara Faktor Jawatan Dengan Skor Kompetensi Pengetua/Guru Besar	94

5.5	Perbezaan Signifikan Antara Faktor Tempoh Berkhidmat Dengan Skor Kompetensi Pengetua/Guru Besar Dan Skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar	95
5.6	Keputusan bagi Setiap Persoalan Kajian	96

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Kerangka Konsep Kajian	5

SENARAI SINGKATAN

EQ	-	Kecerdan Intelek
IQ	-	Kecerdasan Emosi
SQ	-	Kecerdasan Spritual
SKPM	-	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
JNS	-	Jemaah Nazir Sekolah
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
IT	-	Information Tecnology (Teknologi maklumat)
SPPSTKP	-	Sistem Pemastian Peningkatan Standard Tinggi Kualiti Pendidikan
STKP	-	Standard Kualiti Pendidikan
FKP	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FCEM	-	Florida Founcil Educational On Management
SPSS	-	Statistical Package For The Social Science
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
(α)	-	<i>Alpha Cronbach</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Set Soal Selidik	107
B	Temubual	115
C	Kajian Rintis	118
D	Keputusan Kajian	126
E	Jurnal	146
F	Surat Kelulusan	155

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kompetensi merupakan gabungan aspek pengetahuan, kemahiran, ciri-ciri peribadi dan perlakuan yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan. Ianya merupakan ciri atau kriteria yang membuatkan seseorang individu itu berkesan dalam apa jua peranan yang diberikan dalam sesebuah organisasi kepadanya (Kamus Dewan, 2004). Menurut Yakob Tomatala (2009) pula mengatakan kompetensi merupakan tugas atau bidang kerja yang boleh dibuat pengukuran dalam keberhasilan sesuatu pekerjaan. Secara umum, kompetensi berfungsi sebagai pengukuran tingkat kemajuan suatu bidang kerja yang digunakan untuk menguji kualiti terhadap seseorang yang telah mendalami suatu bidang kerja tertentu. Menurutnya lagi, terdapat beberapa manfaat dalam menguji kompetensi ini, iaitu mengukur komitmen individu terhadap organisasi, mengukur komitmen kelompok terhadap organisasi, mengidentifikasikan kebutuhan latihan, melihat hasil kerja dan memberikan pengiktirafan kompetensi yang telah dicapai.

1.2 Latar Belakang Masalah

Guru besar dan pengetua merupakan seorang pengurus di sekolah yang bertanggungjawab kepada semua warga sekolahnya. Seorang pengurus yang baik ialah dapat melaksanakan tanggungjawabnya mengikut keperluan pekerjaanya. Selain itu, guru besar dan pengetua juga adalah orang yang perlu mengikut perintah orang atasan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Sehubungan dengan itu, guru besar dan pengetua perlulah mempunyai kompetensi yang tinggi dalam mentadbir sekolah. Guru besar dan pengetua perlu kompeten dan berfungsi sebagai seorang pemimpin dan pengurus yang cekap. Pada masa kini, kompetensi pengetua memainkan peranan yang penting di mana pendidikan di Malaysia ketika ini sedang berusaha ke arah menuju era pendidikan yang bertaraf dunia bagi mencapai pencapaian yang lebih dari segi pedagogi, kurikulum, program sokongan, teknologi, pengurusan dan pentadbirannya. Sehubungan dengan itu, matlamat ini dikongsi bersama antara masyarakat dan warga pendidikan dengan memaparkan hala tuju yang jelas melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Pembentukan hala tuju ini merupakan komitmen kerajaan, guru besar dan pengetua dalam meningkatkan taraf pendidikan di Malaysia demi mencapai bukan sahaja imej pendidikan negara yang bertaraf dunia tetapi apa yang penting adalah kecemerlangan core business pendidikan berteraskan Falsafah Pendidikan Negara (Budiman, 2008). Melalui hasil daripada perancangan yang teliti ini dapat dirumuskan satu matlamat yang jelas dan diharapkan dapat dimanfaatkan sebaiknya dalam menghasilkan modal insan yang mahir, berilmu pengetahuan tinggi, berketrampilan, berakhlak mulia dan mempunyai budaya saing yang tinggi.

Dalam kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh beberapa penyelidik menyatakan bahawa kompetensi dalam seorang diri pemimpin penting dalam membangunkan sebuah sekolah. Kajian yang telah dijalankan oleh Amin Senin, Ramli, Sazali, Abd Razak, Rosnarizah, Rusmini et al (2008), iaitu bertajuk Kajian Kompetensi Berimpak Tinggi Bagi Pemimpin Sekolah yang bertujuan untuk mengenal pasti kompetensi berimpak tinggi bagi pemimpin sekolah di Malaysia. Dalam kajian yang

dilakukan ini seramai 596 orang guru besar dan pengetua dari seluruh Malaysia telah dipilih secara persampelan rawak sistematik perkadaran untuk mengenal pasti penguasaan dan keperluan kompetensi mereka. Terdapat enam domain yang dikaji dalam kajian ini iaitu, dasar dan hala tuju, instruksional dan pencapaian, mengurus perubahan dan inovasi, sumber dan operasi, hubungan sesama manusia, dan keberkesanan diri. Dalam kajian ini didapati nilai *Alpha Cronbach* instrumen SLeCS dan domain-domainnya adalah tinggi iaitu melebihi 0.95. Instrumen SLeCS juga mempunyai kesahan kandungan yang baik. Hasil kajian menunjukkan penguasaan kompetensi pengetua dan guru besar berada dalam zon sederhana. Kajian juga mendapati kompetensi 'berfokuskan kualiti', 'menyelesaikan masalah', 'membuat keputusan', 'mengurus perubahan' dan 'pengurusan ICT' merupakan kompetensi yang dikategorikan sebagai kompetensi berimpak tinggi yang sangat diperlukan oleh pemimpin sekolah.

1.3 Pernyataan Masalah

Kompetensi memainkan peranan yang penting bagi seorang pemimpin. Seorang pemimpin yang mempunyai kompetensi yang tinggi dapat dilihat bahawa pekerjaan dan tugas yang dilaksanakan oleh mereka adalah sangat baik dan mempunyai motivasi yang tinggi dalam melaksanakannya. Berdasarkan kajian-kajian yang lepas yang dinyatakan dalam latar belakang seperti di atas mengatakan bahawa kompetensi bagi seorang pemimpin penting untuk mencapai kecemerlangan pelajar di sekolah dan seterusnya mewujudkan sekolah berkesan.

Melalui pemerhatian penyelidik, belum lagi ditemui kajian yang mengkaji tahap kompetensi guru besar/pengetua dengan skor standard kualiti pengetua/guru besar dimana untuk melihat sejauh mana tahap guru besar dan pengetua mengamalkan faktor kecerdasan intelektual, kecerdasan emosional, kecerdasan spritual dan kecerdasan kemahiran dan mempengaruhi hubungan ini.

Oleh itu, satu kajian dibuat untuk mengkaji tahap kompetensi guru besar/pengetua dengan skor standard kualiti pengetua/guru besar

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut:


1. Apakah tahap kekuatan dimensi-dimensi IQ, EQ, SQ dan kecerdasan kemahiran Pengetua/Guru Besar di Daerah Johor Bahru?
2. Apakah tahap dimensi yang menyumbang secara signifikan kepada peningkatan skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar di Daerah Johor Bahru?
3. Adakah terdapat perbezaan signifikan yang disebabkan oleh faktor demografi (jantina, jawatan dan tempoh berkhidmat) terhadap skor kompetensi pengetua/guru besar dan skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar di Daerah Johor Bahru?

1.5 Objektif Kajian

- i. Untuk mengenal pasti tahap kekuatan dimensi-dimensi IQ, EQ, SQ dan kecerdasan kemahiran pengetua/guru besar di Daerah Johor Bahru.
- ii. Untuk mengenal pasti dimensi yang menyumbang secara signifikan kepada peningkatan skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar di Daerah Johor Bahru.
- iii. Untuk mengenal pasti samada terdapat perbezaan signifikan yang disebabkan oleh faktor demografi (jantina, jawatan dan tempoh berkhidmat) terhadap skor kompetensi pengetua/guru besar dan skor Standard Kualiti pengetua/guru besar di daerah Johor Bahru.

1.6 Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian bagi penyelidikan ini dapat digambarkan dalam Rajah 1.1 dibawah:



Rajah 1.0: Kerangka Konsep Kajian

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini ini adalah untuk mengenalpasti tahap kompetensi guru besar/pengetua dengan skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar. Ianya adalah sebagai salah satu kajian untuk melihat sejauh mana guru besar dan pengetua berkompeten dalam melaksanakan tugas mereka di sekolah dan seterusnya membolehkan pemimpin sekolah meningkatkan kompetensi mereka. Justeru itu hasil kajian ini dijangka boleh dijadikan panduan dan kayu ukur oleh pihak yang terlibat dengan perancangan, penggubalan dan pelaksanaan dasar program latihan dan pembangunan staf di Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah.

1.8 Skop Kajian

Dari segi sampelnya kajian ini hanya dijalankan ke atas guru besar dan pengetua di sekolah daerah Johor Bharu sahaja. Hasil kajian tidak mewakili keseluruhan populasi guru besar dan pengetua, sekolah rendah/kebangsaan dan menengah di Negeri Johor dan Malaysia.

1.9 Batasan Kajian

Oleh yang demikian, kajian ini hanya terhad kepada guru besar dan pengetua di sekolah rendah/kebangsaan dan menengah. Sampel adalah terdiri daripada guru besar dan pengetua di sekolah daerah Johor Bharu. Guru Besar dan Pengetua akan menilai sejauhmana tahap kompetensi diamalkan di sekolah dengan Skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar. Kajian ini tidak mengawal faktor luar seperti latar belakang keluarga, pengaruh persekitaran dan penglibatan aktiviti sosial di luar sekolah yang akan mempengaruhi tahap kompetensi guru besar/pengetua dengan skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar. Dalam kajian ini, terdapat beberapa kekangan dalam menghantar dan mendapatkan soalan soal selidik daripada responden. Sebanyak 138 set soalan soal selidik telah diedarkan mengikut bilangan sekolah kebangsaan, rendah dan menengah yang terdapat di daerah Johor Bahru, namun begitu hanya 113 sahaja yang dapat diperolehi setelah selama dua minggu mengedar borang soal selidik tersebut. Kekangan yang terdapat dalam kajian ini ialah dimana terdapat beberapa pengetua yang kurang memberi kerjasama dengan memberi alasan tiada masa dan terlalu sibuk. Selain itu, terdapat juga responden yang minta dikecualikan daripada manjadi responden. Kekangan yang berikutnya, faktor masa dan jarak perjalanan yang jauh diantara sesebuah sekolah yang menyebabkan penyelidik terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk ke sesebuah sekolah. Responden juga dilihat tidak memberi sepenuh kerjasama dimana soalan selidik tersebut tidak diisi walaupun penyelidik telah

menghantar selama tiga hari. Selain itu, faktor masa yang tidak sesuai semasa soal selidik diedarkan dimana ketika soalan soal selidik diedarkan, tarikh peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) hanya tinggal dua minggu sahaja, ini menyebabkan pengetua tidak memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam mengisi soalan soal selidik dan lebih menumpukan kepada pelaja-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan.

1.10 Definisi Istilah

Beberapa definisi istilah yang dihuraikan dalam kajian ini adalah seperti berikut :

1.10.1 Kompetensi

Kompetensi ialah satu kepakaran atau tahap kecekapan yang diperlukan untuk membolehkan seseorang menjalankan sesuatu tugas dengan lebih efektif dan efisien (Kamus Dewan, 2004). Kompetensi dalam kajian ini dilihat sebagai keupayaan-keupayaan berdasarkan kecerdasan yang memperlihatkan tentang pengetahuan, emosi, kelakuan-kelakuan dan kemahiran-kemahiran yang memberi kesan kepada pencapaian kerja (Boyatzis, 1982). Kecerdasan yang selalu dikaitkan dengan kompetensi ini ialah IQ iaitu kecerdasan intelek bagi menyelesaikan masalah secara logik yang berkaitan dengan pengetahuan dalam melaksanakan sesuatu tugas (Brody & Brody, 1976). Kemudian muncul EQ iaitu kecerdasan emosi yang terbukti lebih memberi kesan kepada pencapaian kerja (Boyatzis, 1982).

Kecerdasan emosi (EQ) dilihat sebagai keupayaan memahami emosi diri sendiri dan emosi orang lain untuk memotivasikan dan mengurus diri serta bijak berkomunikasi dengan orang lain (Goleman, 1995). Kemudian, muncul pula kecerdasan spiritual (SQ) yang memperkatakan bahawa kecerdasan adalah yang utama dimana mendasari IQ dan

EQ yang membawa kesan kepada skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar. Dalam konteks ini, SQ dilihat sebagai kepintaran yang meletakkan individu untuk hidup dalam konteks pengertian yang lebih luas iaitu tidak hanya semata-mata hubungan manusia dengan pencipta tetapi mencakupi hubungan dengan manusia yang meliputi keperluan manusia. Kecerdasan spiritual ini juga dalam pengertian bagi membentuk keinginan dan keupayaan untuk makna yang lebih mendalam dalam kehidupan, wawasan dan nilai murni. Seterusnya, kecerdasan kemahiran yang memainkan peranan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kemahiran seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran menyelesaikan sesuatu masalah, kemahiran kerja berpasukan dan sebagainya. Maka itu definisi operasi kompetensi guru besar dan pengetua merujuk kepada suatu kesepaduan kompetensi-kompetensi IQ iaitu keupayaan ilmu, EQ iaitu keupayaan-keupayaan intrapersonal dan interpersonal, SQ iaitu keupayaan untuk pemaknaan dan nilai dan kemahiran dimana kesemuanya mempunyai kesan kepada skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar. Dalam kajian ini, kompetensi pengetua/guru besar sekolah dibahagikan kepada empat dimensi utama iaitu Kecerdasan Intelek (IQ), Kecerdasan Emosi (EQ), Kecerdasan Spiritual (SQ) dan Kecerdasan Kemahiran mengikut pernyataan Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan kepada empat aspek iaitu, Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelak (JERI).

1.10.2 Guru Besar

Pendidikan di Malaysia terbahagi kepada beberapa peringkat iaitu bermula dari prasekolah, sekolah kebangsaan, sekolah menengah dan sehingga peringkat universiti. Defini guru besar dalam kajian ini adalah seorang pemimpin/pentadbir/pengurus bagi sekolah kebangsaan/rendah. Guru besar dipertanggungjawabkan untuk memimpin guru-guru di sekolah kebangsaan/rendah. Guru besar memimpin murid-murid yang bersekolah bermula dari darjah satu hingga ke darjah enam. Tugas dan tanggungjawab guru besar yang diterima oleh guru besar adalah daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Pendidikan Negeri dan juga Pejabat Pendidikan Daerah. Tugas dan tanggungjawab guru besar dan pengetua tidaklah banyak bezanya, yang membezakannya adalah dari segi

persekitarannya sahaja. Guru besar perlulah sentiasa bermotivasi dan mempunyai kompetensi yang tinggi dalam melaksanakan tugas-tugas yang diberikan oleh pihak atasan. Selain itu, guru besar perlulah sentiasa bersemangat dalam melakukan sesuatu aktiviti yang terdapat di sekolah supaya dapat meningkatkan kompetensi mereka dalam mentadbir sekolah. Justeru itu juga, guru besar perlulah sentiasa menekankan skor Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar di kalangan warga sekolah supaya dapat meningkatkan lagi kualiti sekolah berdasarkan elemen yang telah ditetapkan di dalamnya seperti meningkatkan kecemerlangan sekolah untuk mencapai sekolah berprestasi tinggi.

1.10.3 Pengetua

Pengetua dalam kajian ini adalah terdiri daripada individu yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah yang telah dilantik dan bertanggungjawab dalam menentukan hala tuju kepemimpinan, pengurusan organisasi, pengurusan program pendidikan dan kemenjadian murid (Jemaah Nazir Sekolah, 2004). Pengetua terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah yang bermatlamat melakukan perubahan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran, sistem pemikiran yang memusatkan kepada pelajar dan meningkatkan prestasi sekolah (Wikipedia, 2008). Selain itu, pengetua berperanan dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah yang terbahagi kepada tiga proses penting iaitu membuat perancangan dan penyediaan belanjawan, mengurus pekerja dan organisasi, mengawal, menyelesaikan masalah dan pembuat keputusan.

Di samping itu, tanggungjawab dan tugas ini adalah juga mempunyai kaitan dengan kepemimpinan dan sebagai pengurus dan pentadbir sekolah mereka juga bertanggungjawab untuk meningkatkan kecemerlangan dan melakukan perubahan dalam struktur organisasi. Mereka juga berperanan dan bertanggungjawab mengekalkan tiga sub-proses utama dalam kepemimpinan iaitu mengarah, mengurus pekerja, memotivasi dan mempengaruhi staf (Wikipedia, 2008).

Pengetua juga berfungsi dan berperanan bertindak dalam mengurus dan membuat keputusan dalam sesebuah organisasi. Dalam masa yang sama pengetua sekolah juga akan terlibat dalam pentadbiran, disamping mereka perlu berpengalaman dalam pentadbiran organisasi, perlu berinteraksi dan berkomunikasi dengan staf (Wikipedia, 2008). Di sekolah pengetua juga berperanan sebagai arkitek sosial, bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar, mereka juga perlu menilai dan membuat perubahan, berkebolehan mempengaruhi pelajar, ibu bapa, keluarga, komuniti dan bertanggungjawab terhadap sekolah yang berasaskan kepada pengalaman profesionalisme profesionalisme, etika, moral dan tidak hanya berpaksikan kepada kuasa atau autoriti (Murphy, 1995).

1.10.4 Standard Kualiti Pengetua/Guru Besar

Dalam bidang pendidikan standard sekolah-sekolah diukur menggunakan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia yang digunakan oleh Jemaah Nazir Sekolah dalam memberikan penarafan kepada sekolah di Malaysia. Walaubagaimanapun, dalam kajian ini standard Kualiti Pengetua Guru Besar diukur menggunakan 19 item yang diubahsuai daripada SKPM.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhan bab ini menjelaskan tentang latar belakang kepada permasalahan kajian iaitu kompetensi guru besar dan pengetua. Permasalahan kajian dibincangkan berdasarkan kajian-kajian lepas, dan terhadap kajian yang ingin dilakukan. Gabungan teori dan kerangka teoritikal digunakan untuk menerangkan hubungan antara pembolehubah kajian. Berdasarkan kepada ulasan kajian lepas dan teori yang dikemukakan, kerangka konseptual kajian dibentuk bagi menggambarkan hipotesis

yang diuji. Objektif kajian juga diperjelaskan dalam kajian ini, seterusnya justifikasi kepada kajian ini juga didedahkan. Dari segi skop, kajian ini terhad di sekolah kebangsaan/rendah dan menengah di Daerah Johor Bharu.

RUJUKAN

- Abdul Fatah Hasan (1998). *Pemikiran Keseluruhan Otak*. Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd. Pp: 136-140
- Abdul Ghani Abdullah, Abd Rahman Abd Aziz & Mohammed Zonir Ahmad (2008). *Gaya-Gaya Kepimpinan Dalam Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd, kuala Lumpur. Page 179,180
- Amin Senin, Ramli Yusoff, Sazali Yusoff, Abd Razak Manaf, Rosnarizah Abd Halim, Rusmini Ku Ahmad et al (2008). *Kajian Kompetensi Berimpak Tinggi Bagi Pemimpin Sekolah*. Institut Aminuddin Baki
- Anderson Consulting (1998). *Knowledge Workers Revealed : New Challenges For Asia*. Hong Kong: The Economist Intelligence Unit Limited
- Bailey K.D (1978), *Methods of Social Research*. New York : Free Press. Pp: 284,285,286,288,289,290-297
- Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Md Yusoff, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim (2007). *Kompetensi Sekolah Menengah Malaysia Dalam Bidang Pengurusan Kurikulum*. Jurnal Pendidikan Kamus Dewan (2004). *Edisi Baru*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Boyatzis, R. (1982). *The Competent Manage : A model for effective performance*. New York: Academic Press. Pp : 191-200
- Brody, E.B. & Brody, N (1976). *Intelligence: nature, determinants and consequences*. New York : Academic Press. Pp: 88-157
- Budiman (2008). *Kajian Pengaruh Gaya Kepimpinan Guru Besar Terhadap Penarafan Sekolah Berdasarkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Butteries, Margeret(1998). *Changing Roles To Create To Create The High-Performance Organization*. Toronto:John Wiley & Sons.
- Caroll, A & McCrackin, J (1998). *The Competentof Competency-Based Strategies For Selection And Development. Performance Improvement Quarterly*. Learning System Institute, Florida State University
- Craig E.Runde & Tim A. Flanagan (2007). *Becoming A Conflict Competent Leader*. John Wiley & Sons, Inc.Pp: 33,34,35
- Dra.Mugiadi (2002). *Efektivitas Pembinaan Kepala Sekolah Terhadap Pemahaman Tugas Kompetensi Guru Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Siswa Sekolah Dasar*. Universitas Lampung Bandar Lampung
- Fraenkel, J.R & Wallen, N.E., (1996). *How to Design and Evaluate Research*. USA : Mc. Fraw-Hill Inc
- Goleman, D (2001). *The Emotionally Intellingence (EI)*. The Consortium For Research On Emotional Intelligence In Organisations
- Haron Din. (1997). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Horn, J.L & Catell, R.B (1967). *Age Differences In Fluid And Crystallized Intellingence*. Acta Psychologicure
- Jackson, P & Palmer, B (1989). *First Steps In Maesuring Performance In The Public Sector : A Management Guide*, London : Public Finance Foudation
- Jemaah Nazir Sekolah (2004). *Pernyataan Standard: Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)*. Kementerian Pelajaran Malaysia : Putrajaya
- Jemaah Nazir Sekolah (2006). *Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKPM)* Institut Aminuddin Baki: Genting Highlands
- Kamus Dewan (2004).*Edisi Baru*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Kubiszyn, T & Borich, G., (2000). *Educational Testing and Measurement Classroom Application and Practice*. Sixth Edition. New York : John Wiley & Sons, Inc
- Lash, R & Jackson, M (1998). *Re-Inventing Hr: Changing Roles In the High Performance Organization*. John Wiley and Sons

- Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha & Muhammad HasyimMustamin (2007). *Persepsi Guru Dan Pelajar Terhadap Kurikulum Berasas Kompetensi*. Universiti Kebangsaan Malaysia:Kuala Lumpur
- Mohd. Azhar Abd Hamid (2004). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd. Pp: 6-12,73-79
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). “*Reka Bentuk Tinjauan Soal selidik Pendidikan*” Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Page 85,96,115, 116,127
- Mohd. Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* .Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.Pp: 200,201,340,341,362
- Muhamad Wahyuni Nafis (2007). *Yakin Diri! Jalan Cerdas Emosi & Spritual*. PTS Millennia Sdn.Bhd: Kuala Lumpur
- Murphy, J. (1995). *Creative leadership*. Paper presented to the ACEA National Conference, July, Sydney, Australia
- Nonaka, I & Takeuchi, H (1995). *The Knowledge Creating Company*. New York, Oxford University Press, 1995.Pp:175,177,185,186
- Palan, R (2002). *Applying EQ At The Workplace*. Kuala Lumpur: Specialist Management Resources
- Polanyi, Ma (1967). *The Tacit Knowledge*. Gloucester. MA
- Popham, J (1990), *Modern Educational Measurement. A Practitioner's Perspective*. 2nd Edition, New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Preiss, K (1999). *Modeling Of Knowledge Flows And Their Impact*. Journal Of Management Art
- Proctor, R. W & Dutta, A (1995). *A Skill Acquisition And Human Performance*. Sage Publications
- Rasid Muhamad, Mohd Nazri Mohd Noor & Jahjaiton Arsad (2007). *Kecerdasan Intelektual (IQ), Kecerdasan Emosi (EQ) dan Kecerdasan Spiritual (SQ): Mencari Keseimbangan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Universiti*. Jurnal Pendidikan.
- Samsudin Wahab (2006). *Mengurus dan mentadbir pejabat*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Shahril @ Charil Marzuki (2000). Ciri-ciri Kepemimpinan Pengetua/Guru Besar Berkesan yang Dapat Menghadapi Cabaran dan Harapan Pada Abad Ke-21,

Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid 10. Bil. 02. Disember 2000.

Spencer, L & Spencer, S (1993). *Competence at Work : Models For Superior Performance*. New York: John Wiley

Zohar, D & Marshall, I (2004). *SQ- Spritual Capital*. Berret-Koehler Publishers, Inc. Pp: 61-73

Zwell, M (2000). *Creating A Culture Of Competence*. John Wiley & Sons

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (2007). Capaian 10 Oktober, 2010 daripada [Laman Web Rasmi Jabatan Pengajian Tinggi](#).

Pejabat Pelajaran Daerah Johor Bahru. Capaian 10 Oktober, 2010 daripada <http://www.ppdjb.edu.my/v2/sekolah2.php>).

Teori Florida Principal Competencies. Capaian 10 Oktober, 2010 daripada <http://coe.fgcu.edu/faculty/valesky/Floridaprincipalcompetencies.htm>

Wikipedia (2008). *Pengetua dan Hubungan Manusia*. Capaian 10 Oktober, 2010 daripada http://ms.wikipedia.org/wiki/Pengetua_dan_Hubungan_Manusia

Yakob Tomatala (2010). *Leadership, Thoughts, Books, Writing ! Artikel Apakah Anda Pemimpin Kompeten*. Capaian 10 Oktober, 2010 daripada <http://yakobtomatala.com/>